

30/09/1999

Dunia dipaksa guna acuan Barat: PM (HL)

Ahmad Rejal Arbee

NEW YORK, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan kebimbangannya terhadap perkembangan dunia sekarang yang seolah-olah sedang dipaksa mewujudkan satu saja acuan sistem politik dan ekonomi yang boleh diterima pakai oleh semua negara.

Perdana Menteri berkata, globalisasi yang sedang digembar-gemburkan negara maju menjelang memasuki alaf baru dikehendaki mengamalkan sistem demokrasi liberal Barat yang berasaskan ekonomi pasaran bebas tanpa sempadan.

Beliau berkata mana-mana sifat dan pegangan yang bertentangan dengan nilai Barat itu akan dianggap menyeleweng dan oleh itu harus ditentang dan dihapuskan.

Berucap pada persidangan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) ke-54 di sini, Dr Mahathir berkata senario sedemikian sedang pun diusahakan oleh pentadbiran Barat dan badan yang mendukung cita-cita itu termasuk media Barat.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beliau tidak menghadiri UNGA kerana berpandangan bahawa pertubuhan itu terlalu mengikut telunjuk Barat khususnya Amerika Syarikat dan tidak dapat bertindak untuk mewujudkan suatu badan yang lebih demokratik.

Dengan itu beliau beranggapan tidak penting baginya menghadiri perhimpunan hanya untuk membuat ucapan yang akhirnya tidak siapa pun menghiraukan. Kali terakhir beliau berucap di UNGA ialah tiga tahun lalu.

Dr Mahathir menyatakan kebimbangannya terhadap perkembangan sekarang kerana nilai dan pegangan serta kebudayaan manusia sejagat kelak akan hanya mengikut acuan Barat itu.

"Jadi mana-mana nilai yang bertentangan dengan apa yang ditetapkan mengikut acuan itu, sudah tidak lagi boleh diterima pakai," katanya yang berhujah dengan panjang lebar kenapa beliau berpandangan demikian.

Perdana Menteri menegaskan keadaan yang melanda dunia sejagat kini bermula apabila kuasa blok Timur dan komunis musnah kerana semuanya hendak mengikut sistem pasaran bebas demokrasi liberal ala-Barat disebabkan mahu mengejar kemajuan dan kekayaan.

Malangnya, negara komunis itu tidak dapat mencapai kemajuan yang diharapkan dengan sekelip mata lebih-lebih lagi tanpa mempunyai pengalaman, landasan kukuh dan infrastruktur yang diperlukan untuk membolehkan mereka mencapai kejayaan.

Sebaliknya, apa yang berlaku mereka terdedah dengan inflasi teruk, kemusnahan perusahaan negara, pengangguran yang amat ketara hingga membawa kepada kemasukan institusi kewangan Barat dalam sistem kewangan mereka serta spekulasi oleh dana lindung nilai yang menyebabkan mereka tidak dapat membayar balik hutang mereka.

Dengan itu demokrasi pasaran bebas liberal Barat berkuasa penuh tanpa dapat ditentang oleh sesiapa dan mereka menjadi amat angkuh hingga sanggup menghukum dan bertindak ganas terhadap sesiapa yang mereka anggap tidak mengikuti sistem politik dan ekonomi mereka atau yang tidak berpegang kepada hak-hak kebebasan manusia mengikut acuan mereka.

Dalam pada itu, ada juga beberapa negara khususnya di Asia yang berjaya mencapai kemajuan yang memberangsangkan, tetapi pertumbuhan mereka itu tidak kekal lama kerana diserang pula oleh pedagang mata wang dan pelabur jangka pendek.

Ini membawa padah paling teruk ke atas negara-negara berkenaan hingga

menjejaskan kestabilan politik mereka, di samping menjerumuskan rakyat menjadi papa dan hilang pekerjaan.

Negara itu kemudian terpaksa bergantung kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan ini memudaratkan lagi ekonomi mereka, di samping terpaksa pula mengikut telunjuk Barat.

Tindakan lain yang digariskan Dr Mahathir yang katanya amat membimbangkan termasuk campur tangan dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara secara bebas, khususnya untuk menentukan apakah hak kebebasan manusia yang harus dapat dinikmati dalam negara itu serta menentukan sistem pentadbiran sesebuah negara.

Dalam menentukan hak kebebasan manusia, mereka beranggapan ia hanyalah setakat hak seseorang untuk menentang kerajaan tetapi hak berjuta-juta rakyat yang dilanda kebuluran dan kesusahan termasuk kanak-kanak yang tidak mendapat makanan atau ubatan yang secukupnya, tidak dipedulikan. Negara itu juga perlu menghadapi sekatan kemasukan barangan dan kalau dibom juga tidak mengapa.

Jadi hak berjuta-juta rakyat itu tidak diambil peduli, asalkan beberapa kerat orang boleh menikmati hak untuk menentang kerajaan.

Demikian juga berjuta-juta rakyat yang hilang hak mereka untuk bekerja kerana negara mereka diserang pedagang mata wang, tidak penting asalkan hak pedagang itu tidak terjejas.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pula tidak berupaya langsung menghadapi masalah sejagat ini, sebaliknya PBB terus dikuasai lima negara pengasasnya - Amerika, Britain, Perancis, China dan Rusia, yang mempunyai kuasa veto.

Katanya, walaupun tiga daripada lima negara itu pengamal kuat sistem demokrasi, tetapi dalam badan dunia itu sendiri tidak wujud amalan demokrasi.

Demikian pula forum untuk negara kecil bersuara agak terhad. Media Barat pula memutarbelitkan pandangan mereka tetapi apabila seorang wartawan Barat dikenakan hukuman penjara kerana melanggar peraturan mahkamah sebuah negara berdaulat, ia dipersoalkan. Kerajaan juga dipersalahkan walaupun ia tidak mempunyai kuasa untuk campur tangan dalam perjalanan mahkamah.

Dr Mahathir berkata dunia kini menghadapi keadaan yang amat mencurigakan. Bagaimanapun, Malaysia akan terus menjalankan tanggungjawabnya sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan akan berkawan dengan semua negara yang ingin berbaik dengannya tanpa menyimpan niat jahat terhadap sesiapa.

Sebelum berucap, beliau mengunjungi Setiausaha Agung PBB Kofi Annan dan Presiden Unga, Theo-Ben Gurirab yang juga Menteri Luar Namibia.

Beliau dan rombongan petang ini melawat Lucent Bell Laboratories di New Jersey sebelum bertolak ke London dalam perjalanan ke Zimbabwe untuk menghadiri dialog Afrika Selatan.

(END)